

Parlimen: JPNM Sasar Latih 300 Mediator Komuniti Setiap Tahun – Koh Bernama
17 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) menyasarkan untuk melatih sekurang-kurangnya 300 mediator komuniti setiap tahun bermula tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata pelantikan mediator komuniti ditumpukan di kawasan berisiko atau bermasalah seperti Selangor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor yang setakat ini mempunyai mediator terbanyak.

"Sejak ditubuhkan pada 2009, seramai 519 mediator telah dilatih dengan menjalani kursus kemahiran proses mediasi komuniti yang dikendalikan Pakar Sosio-psikologi Datuk Dr Wan Halim Othman," katanya menjawab soalan Senator Rohani Abdullah pada persidangan Dewan Negara, di sini Selasa.

Koh berkata kejayaan mediator komuniti dalam menyelesaikan kes pertikaian di peringkat akar umbi juga merupakan satu faktor yang menyumbang kepada penurunan bilangan kes pergaduhan serta serangan seperti direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Katanya kes pergaduhan dan serangan menurun daripada 1,104 kes pada 2009 kepada 878 kes pada 2011.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681133>

